

15 NOV 1998

APEC-BERITA-TEKNOLOGI/I

KEMAJUAN TEKNOLOGI MESTI DENGAN BERTANGGUNG JAWAB, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Durga Varma

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa kemajuan teknologi hendaklah digunakan dengan cara yang lebih bertanggung jawab tetapi jangan menyelewengkan fakta dan memberikan gambaran tidak tepat mengenai sesebuah negara.

Merujuk kepada laporan-laporan baru-baru ini di CNBC yang menunjukkan Malaysia di dalam keadaan huru-hara, katanya, "Kenapa tidak tunjukkan apa yang betul."

"Tiga suku daripada wakil yang berada di sini hari ini percaya bahawa Malaysia adalah di dalam keadaan huru-hara. Terdapat rusuhan di mana-mana dan kerajaan goyang.

"Malahan perdana menteri tidak boleh menghidap selsema," katanya.

Bercakap pada sesi dialog dengan para peserta selepas merasmikan sidang kemuncak perniagaan Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC), katanya seorang ketua sebuah negara sebelum ini menyebut kepada beliau bahawa salah satu laporan mengenai Malaysia adalah serupa dengan apa yang dialami di negaranya.

Turut hadir pada acara itu ialah Presiden Peru Alberto Fujimori, yang berada di sini untuk sidang kemuncak Apec.

Dr Mahathir berkata, "Seperti anda boleh lihat, Malaysia adalah lengang dan tenang. Kami akan lakukan yang terbaik dan mesra kepada tetamu-tetamu kami walaupun mereka tidak mahu bercakap dengan kami."

Perdana menteri menegaskan bahawa beliau tidak percaya dalam sebarang yang beliau lihat di alam media asing.

"Jika mereka katakan pembbohongan mengenai Malaysia, maka mereka juga boleh katakan pembbohongan mengenai negara-negara lain.

"Adalah malang, tetapi benar, pembbohongan adalah pembbohongan," katanya.

Kepada satu soalan mengenai perdagangan matawang, Dr Mahathir berkata Eropah dan Amerika Syarikat mendakwa bahawa mereka tidak akan terjejas oleh kegawatan Asia.

"Tetapi hari ini mereka semua terjejas apabila pelaburan mereka di rantau ini menanggung kerugian," katanya.

"Tiba-tiba mereka telah kehilangan wang mereka yang mereka laburkan dan kebimbangan saya ialah bahawa mereka melihatnya (mengawal selia dagangan matawang) daripada sudut mereka sendiri," katanya.

Mereka gagal melihat daripada sudut pandangan kita oleh itu kita tidak setuju mengenai perkara ini, katanya.

Bagaimanapun, katanya beliau merasakan bahawa Eropah dan AS menyedari dagangan matawang adalah buruka di sudut pandangan mereka sendiri.

"Kita telah merayu supaya suara-suara kita patut juga didengar tetapi mereka adalah negara-negara besar dan mereka memilih untuk tidak mendengarnya... orang yang sihat tidak boleh memahami bagaimana sakitnya orang lain merasa sehingga ia menyerang mereka," katanya.

Menyebut contoh, katanya Malaysia meminjam banyak yen daripada Jepun pada masa lalu, tetapi apabila negara itu menurunkan nilai yen, Malaysia tidak diberi tahu dan "kami terpaksa membayar dua setengah kali lebih."

Kepada soalan lain, Dr Mahathir berkata Malaysia ingin menyumbang kepada dunia yang lebih baik tetapi dunia adalah tidak sama kerana ia mempunyai kekuatan dan pendirian yang berbeza.

Ke arah itu kami terpaksa mengganti rugi kepada sebarang kecacatan yang orang lain ada, tambah beliau. -- BERNAMA

DVS/AZ FR OS